

Kata Penguat

1. Kata penguat ialah perkataan yang terletak sebelum atau selepas kata adjektif bagi menguatkan maksud kata adjektif itu.
2. Terdapat tiga jenis kata penguat iaitu kata penguat hadapan, kata penguat belakang dan kata penguat bebas.
3. Kata penguat hadapan terletak di hadapan kata adjektif, kata penguat belakang terletak di belakang kata adjektif, kata penguat bebas pula ialah kata penguat yang boleh diletakkan di hadapan atau di belakang kata adjektif.
4. Contoh kata penguat ialah
paling, terlalu, begitu, cukup, agak (hadapan),
sekali, benar, nian (belakang),
sangat, amat, sungguh (bebas).
5. Walau bagaimanapun, kata penguat *sangat, amat, begitu* dan *sungguh* boleh digunakan serentak dengan kata penguat *sekali*.

Praktis

Pilih **kata penguat** yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah ini.

1. Perniagaan kedai serbaneka Encik Wong maju _____.
2. Kain songket di kedai itu sungguh halus _____ tenunannya.
3. Dahlia murid yang _____ di dalam kelas itu.
4. Antara adik-beradiknya, Faridahlah yang paling _____.
5. P. Ramlee seorang seniman agung yang _____ masyhur.
6. Suara penyanyi itu _____ serak memang sesuai dengan lagu yang dinyanyikannya.